

Dasar Pandang ke Timur India: Pengukuhan Hubungan India-ASEAN

India's Look East Policy: Strengthening India-ASEAN Relations

ZUBAIDAH V.P. HAMZAH & KOH KUAN WEI

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pembentukan Dasar Pandang ke Timur India (India's Look East Policy) dan kesannya terhadap hubungan India dengan ASEAN. Hubungan India dengan negara-negara Asia Tenggara telah lama terjalin melalui pelbagai bentuk. Namun demikian, pada era Perang Dingin khususnya pada tahun-tahun 1970an dan 1980an hubungan India dengan rantau Asia Tenggara agak suram disebabkan India tidak meletakkan rantau ini sebagai rantau keutamaan dalam dasar luarnya. Namun demikian, tamatnya Perang Dingin dengan kejatuhan Soviet Union telah menyebabkan India perlu mencari hala tuju baharu dalam dasar luarnya. Dalam situasi ekonomi India yang tidak memberangsangkan ini India mula melihat peningkatan ekonomi negara-negara anggota ASEAN sebagai sesuatu yang positif untuk India. Oleh itu, pada tahun 1991 Dasar Pandang ke Timur India dibentuk bertujuan untuk meningkatkan hubungan dengan negara-jiran timurnya. Kertas ini membincangkan pembentukan dan perkembangan Dasar Pandang ke Timur ini serta kepentingan ASEAN dalam dasar tersebut. Analisis dilakukan berdasarkan pendekatan sejarah dengan meneliti sumber primer seperti rekod pertubuhan ASEAN, dokumen dari Kementerian Luar India, akhbar serta sumber sekunder. Kajian mendapati dasar ini telah mengukuhkan hubungan India dengan ASEAN dan ditingkatkan lagi dengan dimensi yang lebih luas melalui Dasar Bertindak ke Timur (India's Act East Policy).

Kata kunci: Dasar Pandang ke Timur India; ASEAN; dasar luar; India; Asia Tenggara.

ABSTRACT

This study discusses the formation of India's Look East Policy and its impact on India's relations with ASEAN. India's relations with Southeast Asian countries have long been established through various forms. However, in the Cold War era, especially in the 1970s and 1980s, India's relations with the Southeast Asian region were somewhat bleak because India did not place this region as a priority region in its foreign policy. However, the end of the Cold War with the fall of the Soviet Union had forced India to find a new direction in its foreign policy. In this unfavorable Indian economic condition, India is beginning to see the economic growth of ASEAN member countries as something positive for India. Thus, in 1991 the Look East Policy of India was formed with the aim of enhancing relations with its eastern neighbors. This paper discuss the formation and development of this Look East Policy and the importance of ASEAN in that policy. The analysis is done based on historical approaches by examining primary sources such as records of ASEAN organizations, documents from the Indian Ministry of Foreign Affairs, newspapers and secondary sources. The study found that this policy has strengthened India's relationship with ASEAN and further enhanced it to a wider dimension through India's Act East Policy.

Keywords: India's Look East Policy; ASEAN; foreign policy; India; Southeast Asia

PENGENALAN

Hubungan antara India dengan rantau Asia Tenggara telah terjalin secara harmoni sejak zaman pra sejarah. Hubungan awal ini telah menyebabkan proses Indianisasi (Coedes 1971:14) iaitu proses perkembangan pengaruh kebudayaan India berkembang pesat dalam semua aspek di rantau ini. Proses Indianisasi ini juga telah banyak meninggalkan kesan kepada budaya dan perkembangan negara-negara di rantau ini. Seterusnya, fasa selepas

kemerdekaan, India semakin memberi tumpuan dalam menjadikan rantau Asia dan khususnya Asia Tenggara sebagai rantau keutamaan dalam hubungan luarnya. Hal ini dapat dilihat melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh India untuk meningkatkan desakan kemerdekaan supaya negara Asia akan bebas dari penjajahan. India menyedari bahawa masa depan India akan turut dipengaruhi oleh keadaan dan kemajuan bersama dengan negara Asia. Sehubungan itu, idea tentang pembentukan 'Asian Federation' mula diperkatakan oleh Nehru dan

beliau telah mengambil inisiatif untuk mengadakan beberapa persidangan dan perjumpaan antara negara Asia sejak tahun 1947 (Morarji & Sharma 2015:99). Menurut Nehru, “*countries of Asia should begin to think of some more permanent arrangement for effective mutual consultation and concerted effort in the pursuit of common aims.*” (Brecher 1959:410).

India juga turut berpegang kepada dasar berkecuali dan tidak menggalakkan negara-negara Asia untuk memihak kepada mana-mana kuasa. India cuba merealisasikan hal ini melalui penglibatan bersama dalam Persidangan Bandung 1955 yang bertujuan menyemai dasar berkecuali agar menjadi paksi dasar luar negara-negara Asia dan Afrika yang baru merdeka. Atas semangat ini jugalah India menolak untuk menjadi anggota dalam pertubuhan SEATO kerana pada pandangan India ianya sebuah pertubuhan pro-Amerika (Nanda 2003). Hal ini adalah bertentangan dengan prinsip berkecualinya. Apabila usaha telah diambil oleh Filipina, Tanah Melayu dan Indonesia menuju ASEAN dan Maphilindo bagi mewujudkan semangat kerjasama serantau (Shimada K 2010). India berpandangan bahawa kedua-duanya sebagai pertubuhan yang tidak akan banyak membantu negara-negara rantau Asia Tenggara. Sebaliknya, pertubuhan tersebut berpotensi untuk dimanipulasikan oleh kuasa yang bersaing dalam kemelut Perang Dingin.

Melihat kepada tindakan dan penglibatan India di Asia Tenggara sejak penghujung tahun 1940-an hingga 1960-an jelas menampakkan hasrat India untuk meletakkan negaranya sebagai ‘*major player*’ untuk negara-negara Asia Tenggara supaya tidak dikesampingkan dari sebarang rancangan dan tindakan rantau tersebut (Morarji & Sharma 2015:99-103). Seterusnya pada tahun 1960-an, India semakin mengukuhkan hubungannya dengan Singapura dan turut memeterai perjanjian bersama dengan Indonesia, Myanmar dan Filipina. Sebagai contoh, pada Mei 1967, Menteri Luar India, M.C. Chagla telah membuat lawatan rasmi ke Malaysia dan Singapura serta menekankan idea organisasi serantau. Semasa melawat Singapura, M.C. Chagla telah menyatakan bahawa:

We will be very happy to have bilateral arrangements with Singapore, with regard to trade, commerce, and economic cooperation. But if Singapore chooses to join any regional cooperation, we will be happy to join such a grouping, if other members want India to do so.

(Mohammed Ayoob, 1990:11)

PENUBUHAN ASEAN DAN REAKSI INDIA

Penubuhan ASA dan Maphilindo dilihat tidak berjaya membentuk satu pakatan serantau atas semangat ‘*working together*’ disebabkan konflik-konflik yang tercusus antara negara Asia Tenggara. Konfrontasi Malaysia-Indonesia dan pembentukan Malaysia telah menyukarkan hubungan yang lebih erat terjalin. Walau bagaimanapun, selepas tamatnya konfrontasi telah memudahkan usaha-usaha ke arah pembentukan satu pertubuhan regional di rantau Asia Tenggara. Keperluan menuju ASEAN satu pertubuhan serantau ini adalah demi kebaikan bersama bagi mewujudkan kerjasama dan kesepakatan di mana setiap negara tidak harus bertindak untuk kepentingan nasional semata-mata dan mengabaikan kepentingan regional (asean.org 2015). Berlandaskan prinsip inilah akhirnya ASEAN berjaya ditubuhkan pada tahun 1967 dengan keanggotaan awal lima buah negara iaitu Malaysia, Thailand, Filipina, Indonesia dan Singapura (Yazrina & Doria 2020:151). Walaupun ASA dan Maphilindo dilihat tidak berjaya membentuk kerjasama serantau seperti yang dihasratkan namun ianya telah menjadi asas penting kepada pembentukan awal pertubuhan serantau di Asia Tenggara. Penubuhan ASEAN adalah berlatarbelakangkan suasana konflik Perang Dingin yang semakin memuncak di Indochina. Keadaan ini turut memberi implikasi sekuriti kepada negara-negara anggota ASEAN dalam menangani isu komunis insurgensi di Indochina.

Apabila tertubuhnya ASEAN, India dilihat seolah-olah berasa dipinggirkan dari kerjasama tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana India sejak dari awal sentiasa berhasrat untuk dapat bersama dalam sebarang bentuk kerjasama dengan negara Asia Tenggara. Disebabkan ASEAN merupakan pertubuhan serantau untuk rantau Asia Tenggara, maka keadaaan itu tidak membolehkan India untuk menjadi sebahagian daripada anggota ASEAN. India bukan sahaja tidak dijemput untuk menyertai malah India juga merasakan tidak dibawa bersama dalam perbincangan dan rundingan untuk menuju ASEAN (Sridharan K 1995:121). Hal ini menyebabkan India mengelak untuk memberikan sebarang komen tentang penubuhan ASEAN apatah lagi meraikan penubuhannya. Malah Perdana Menteri India pada ketika itu Indira Gandhi menyatakan bahawa ASEAN adalah satu pertubuhan pro-Amerika (Nanda P 2003:227). ASEAN dilihat sebagai refleksi kepada SEATO. Hal ini menyebabkan India mempunyai berbeza pendapat kerana India

tetap dengan pandangan bahawa apa-apa sahaja pertubuhan perlu bebas dari pengaruh mana-mana kuasa. Malah pada waktu yang sama India turut beranggapan bahawa ASEAN akan mengalami nasib yang sama seperti dua pertubuhan awal iaitu ASA dan Maphilindo yang gagal bertahan lama. Pendirian India jelas bahawa apa yang diperlukan oleh negara-negara Asia Tenggara dalam suasana kehangatan Perang Dingin di Asia Tenggara adalah untuk mengelak dari terlibat dalam mana-mana pakatan atau perjanjian tetapi perlu menumpukan kepada pengukuhan ekonomi dan stabiliti politik serta mengelakkan sebarang bentuk pakatan militari dengan mana-mana pihak (Morarji 2015:102). Ini jelas dari kenyataan Indira Gandhi bahawa:

We must resist the temptation to introduce a Cold War atmosphere by forming antagonistic blocs in the region. India believes that the answer to the threat of subversion and sabotage lies in strengthening the economic and political stability of the region, and not through the formation of military alliances which may lead to counter military alliances.

(Morarji & Sharma 2015: 102)

Jelas sekali kebimbangan pimpinan India bahawa ASEAN berpotensi untuk dijadikan sebagai pakatan militari oleh kuasa luar. Akibat daripada rasa dipinggirkan maka hubungan antara India dan negara Asia Tenggara menjadi agak suram. Tindakan dan pendekatan kerajaan India dalam beberapa isu yang berlaku pada masa konflik di Vietnam sedang memuncak turut menambah lagi kecurigaan negara ASEAN terhadap India. Keadaan ini dirumitkan lagi apabila pada tahun 1971 India telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Perdamaian dan Persahabatan dengan Soviet Union (MEA 1971). Tindakan India ini dilihat bertentangan dengan prinsip neutralitinya dan telah menimbulkan kesangsian dalam kalangan negara ASEAN (Ayoob 1990:18). Perjanjian ini juga menunjukkan pendirian India dengan ASEAN semakin bertentangan kerana ASEAN berpegang tidak mahu memihak kepada mana-mana blok apatah lagi kepada blok yang berfahaman komunis. Ini adalah kerana pada masa ini Asia Tenggara sedang berdepan dengan konflik Vietnam dan ancaman komunis. Tindakan India untuk campur tangan dalam krisis Pakistan juga semakin mencurigakan negara-negara ASEAN tentang prinsip berkecuali India.

Menyedarikekenduranhubungandengannegaranegara ASEAN, India cuba untuk menunjukkan sikapnya menyokong tindakan-tindakan ASEAN. Sebagai contoh, India menyokong pembentukan ZOPFAN yang ditubuhkan pada November 1971,

iaitu satu inisiatif untuk menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan neutral. Ini adalah disebabkan oleh objektif ZOPFAN adalah untuk membentuk rasa tanggungjawab bersama negara ASEAN untuk menjaga keselamatan dan keamanan rantau tersebut. Sokongan India ini adalah untuk memulihkan semula keyakinan negara Asia Tenggara terhadap prinsip berkecuali India yang dilihat sehaluan dengan kandungan dalam ZOPFAN (Malone, D.M. et. al., 2015:561-562). Seterusnya, pimpinan India telah berusaha untuk memulihkan kembali hubungan dengan negara ASEAN dan hal ini mendapat reaksi yang positif apabila pada tahun 1977 berlaku peralihan kerajaan di India di bawah pimpinan Parti Janata. Melihat prinsip dan kesungguhan kerajaan India untuk menjalinkan hubungan yang positif dengan negara ASEAN maka beberapa siri kunjungan telah dilakukan oleh pimpinan negara ASEAN, contohnya Malaysia dan Singapura ke India. Reaksi positif dari negara ASEAN menyebabkan India telah memohon untuk membentuk hubungan rasmi dengan ASEAN.

Namun demikian, pemulihran hubungan ke arah lebih positif antara India dan ASEAN akhirnya tergugat semula apabila India mengambil pendekatan untuk mengiktiraf kerajaan Republik Rakyat Kampuchea pada tahun 1980 dan turut menyokong tindakan Soviet Union di Afghanistan pada tahun 1979. Sejak itu juga, India dilihat menjalinkan kerjasama politik dan militer yang erat dengan Vietnam walaupun negara-negara ASEAN mendorong agar India mengubah pendiriannya. Maka hala tuju hubungan India - ASEAN pada tahun 1980-an berada dalam situasi ketidaktentuan sehingga tamatnya Perang Dingin yang menyaksikan kejatuhan kerajaan Soviet Union. Kejatuhan Soviet Union, pemberontakan popular di Eropah Timur dan penamatian Perang Dingin secara serentak telah menyebabkan kemerosotan ekonomi di India. Hal ini menyebabkan India memikirkan keperluan untuk reformasi ekonomi dan memikirkan semula dasar luarnya. Sehubungan itu, sejak tamatnya Perang Dingin India telah meletakkan ekonomi sebagai keutamaan dalam perubahan dasar luarnya (Malone, Mohan, & Raghavan 2015:561). India perlu bergerak pantas bagi mencari ruang dan peluang untuk memulihkan hubungan dengan negara atau region yang dapat memberikan implikasi yang menguntungkan melalui pemulihran hubungan tersebut. Kerajaan India mula menyasarkan untuk membentuk satu dasar mengukuhkan hubungan dengan rantau Asia Tenggara melalui ASEAN.

Ringkasnya, jika diteliti sejak penubuhan ASEAN hingga tahun 1980an hubungan India dan ASEAN berdepan dengan isu dan permasalahan yang mempengaruhi bentuk hubungan tersebut. Permasalahan ini berkait rapat dengan tindak tanduk dan dasar India di rantau Asia Tenggara. Tindakan India menyokong penyatuan Vietnam dan mengiktiraf kerajaan Kampuchea bertentangan dengan semangat anti-komunis yang diperjuangkan oleh negara-negara ASEAN. Selain itu, hubungan India dengan Soviet Union semakin menimbulkan keraguan negara-negara anggota ASEAN kerana dilihat tidak sehaluan dengan semangat anti-komunis. Oleh itu, selepas kejatuhan Soviet Union India perlu merangka satu dasar yang boleh memulihkan semula hubungannya dengan ASEAN.

DASAR PANDANG KE TIMUR INDIA

Perubahan politik antarabangsa pasca Perang Dingin memperlihatkan perubahan struktur politik global dengan tamatnya pertentangan dua blok dunia sebelum ini. Kebanyakan negara dilihat mula mengorientasikan dasar luar negara mereka. India juga tidak terkecuali malah kejatuhan Soviet Union menyebabkan India kehilangan sekutunya dan perlu memikirkan semula hala tuju dasar luarnya. Maka, India mula memberi perhatian untuk memulihkan semula hubungannya dengan negara-negara Asia amnya dan Asia Tenggara khususnya. Pada tahun 1991, Perdana Menteri India Narasimha Rao telah mengumumkan Dasar Pandang ke Timur India bertujuan untuk menjadikan rantau ke timur India sebagai rantau keutamaan dasar luar India. Hal ini dikatakan demikian kerana India menyedari wilayah ke timurnya khususnya negara-negara di rantau Asia Tenggara dan Asia Timur merupakan wilayah yang dapat memberikan kelebihan kepada India dalam aspek ekonomi khususnya melalui hubungan bilateral. Pembentukan Dasar Pandang ke Timur India menekankan kepada tiga dimensi utama iaitu ekonomi, strategik dan institusi. Ketiga-tiga dimensi ini adalah saling berkait rapat. Ekonomi merupakan elemen penting sekiranya India ingin menjadi anggota yang boleh dipercayai dalam aspek keselamatan di Asia Timur. Hal ini dikatakan demikian kerana negara-negara jiran melihat India sebagai rakan strategik disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi dan berpotensi. Walaupun penglibatan India dalam aspek ekonomi bersama Asia Timur berkembang pesat sejak tahun 1990-

an, India masih merasa sukar untuk mengikuti perkembangan rantau tersebut dan tidak seperti yang dijangkakan oleh India. Dalam konteks hubungan India dengan region Asia Tenggara India merasa ketinggalan berbanding China khususnya dalam hubungan ekonomi dengan ASEAN. Oleh itu, Dasar Pandang ke Timur India ini merangkumi dua fasa utama. Fasa pertama bertujuan untuk mengukuhkan kembali hubungan dengan ASEAN dan negara-negara ASEAN serta meningkatkan hubungan ekonomi dengan rantau tersebut (Jyoti 2013:2). Fasa kedua pula memperlihatkan India mengaplikasikan teori '*extended neighborhood*' di mana fokus kawasan diperluaskan merangkumi bukan sahaja ASEAN tetapi juga rantau Asia Pasifik (Naidu 2004). Fokus utama fasa pertama adalah kepada pengukuhan ekonomi manakala fasa kedua diperluaskan merangkumi aspek lain seperti politik, sekuriti dan lain-lain.

Persoalannya, kenapa Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan dan mengapa ASEAN menjadi fokus utama dalam kerangka dasar ini? India mengutamakan ASEAN sebenarnya sebagai jalan pintas untuk mengukuhkan hubungan dengan sepuluh negara lain yang menjadi anggota ASEAN. Bekerjasama rapat dengan ASEAN secara tidak langsungnya dapat membantu mengukuhkan hubungan India dengan negara Asia Tenggara. Bersandarkan kepada kepentingan geo-ekonomik, dasar ini bertujuan mengintegrasikan ekonomi India dengan rantau Asia Tenggara. ASEAN dilihat sebagai rantau yang dapat membantu meningkatkan ekonomi India malah pasaran eksport India dapat diperluaskan. Transaksi dagangan dan hal-hal berkaitan tarif dapat diputuskan dalam suasana yang positif dan dapat memberikan kelebihan kepada kedua-dua pihak. Bukan India sahaja yang mahu menjadikan hubungan dengan ASEAN lebih akrab dan menguntungkan, malah negara-negara ASEAN juga mula melihat kepentingan India dari sudut ekonomi. Dasar liberalisasi ekonomi India pada tahun 1990-an ini turut mendapat sambutan yang baik dari negara ASEAN.

Selain itu, faktor China turut mempengaruhi India dalam pembentukan Dasar Pandang ke Timurnya. Tamatnya Perang Dingin telah mengehadkan hegemoni oleh Amerika Syarikat di Asia Tenggara, namun hegemoni ini mula digantikan dengan negara China yang mula bangkit sebagai kuasa berpengaruh dalam konteks ekonomi dan juga sekuriti di Asia Tenggara (Weatherbee 2009:85-86). Peningkatan pesat ekonomi China telah mendapat

perhatian dan tempat dalam kalangan negara Asia Tenggara. Sebagai contoh, pertumbuhan ekonomi China telah mencapai purata 10% setahun pada tahun 1990 hingga 2001 (Azrul 2018:5). Hal ini telah meresahkan India kerana sekiranya berlaku hegemoni China di Asia Tenggara maka dibimbangi ianya akan membataskan peluang dan ruang untuk India menempatkan dirinya dalam rantau ini. Sejak awal 1990-an, perdagangan China dan ASEAN telah meningkat sebanyak purata 75 peratus. Malah apabila berlakunya krisis ekonomi Asia pada tahun 1997-1998 hubungan dengan China menjadi semakin penting (Catharin & David 2002:13). Oleh itu, India perlu mengambil satu pendekatan agresif bagi membolehkan dia bersaing dengan China. Kedua-dua India dan China seboleh-bolehnya mahu mengelakkkan negara pesaing mereka menghegemoni rantau Asia Tenggara. China juga menyedari kedudukan India yang semakin meningkat dari segi potensi ekonomi dan sekuritinya.

Kebangkitan China ini juga turut mendapat reaksi positif dari negara-negara ASEAN. Menyedari kepentingan China sebagai '*economic giant*' baharu yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara ASEAN. Namun, pada waktu yang sama wujud kebimbangan akan dominasi China di rantau ini. Maka dalam keadaan ini ASEAN melihat India boleh memainkan peranan sebagai pengimbang pengaruh China di rantau ini (Pant 2013:6). Kebimbangan menjadi semakin ketara apabila wujudnya persaingan di Laut China Selatan dan China cuba mendominasinya demi kepentingan geo-strategiknya. Situasi ini telah menyumbang dan menjadi faktor penarik untuk ASEAN menerima India sebagai Rakan Dialognya.

PENGLIBATAN INDIA DALAM ASEAN

Formulasi Dasar Pandang ke Timur India di mana ASEAN menjadi '*core region*' akhirnya membawa hasil apabila pada tahun 1992 India dilantik untuk menjadi rakan sektoral ASEAN dan seterusnya diangkat menjadi Rakan Dialog sepenuhnya pada tahun 1996 (Prasad, 2006). India juga turut menyertai Forum Regional ASEAN (ARF). Pelantikan ini membolehkan integrasi ekonomi serantau dapat dilaksanakan secara lebih meluas dan pesat. Persidangan Kemuncak (Summit) India-ASEAN yang pertama telah diadakan di Phnom Penh pada tahun 2002. Kejayaan menandatangani Perjanjian Kerjasama Jangka Panjang Keamanan dan Kemakmuran pada tahun 2004 dikatakan

permulaan hasil dari Dasar Pandang ke Timur India dalam rangka yang lebih jelas.

Peristiwa serangan 11 September 2001 telah meletakkan rantau Asia Tenggara sebagai rantau yang dilabelkan sebagai sarang pengganas. Dalam hal ini, penglibatan India dalam Forum Regional ASEAN (ARF) sejak tahun 1996 dilihat dapat membantu ASEAN dalam aspek sekuriti. India memainkan peranan "*its active role is looked upon as a useful contribution to the maintenance of security especially in the western flank of ASEAN*" (The Hindu 2002). Ini sejajar dengan matlamat pembentukan ARF untuk membantu memastikan rantau Asia Tenggara ini sebagai kawasan yang selamat dan aman dari sebarang bentuk ancaman. Selari dengan visi ARF iaitu:

It is vital for the ARF to significantly contribute to the changing political landscape and evolving regional security architecture and make further efforts to raise its effectiveness.

(The ASEAN Secretariat 2015)

India turut memandang serius isu ancaman keselamatan di Asia Tenggara kerana bimbangkan ancaman ini boleh menjelaskan kedudukan dan kepentingan India dalam rantau tersebut. Apatah lagi India mula menukar pergantungannya untuk bekalan sumber tenaga kepada negara Timur Tengah dan beralih kepada mendapatkannya dari negara Asia Tenggara seperti Vietnam, Myanmar dan Indonesia (Pandya & Malone 2010). Maka, aspek keselamatan rantau ini turut diberi perhatian serius oleh India. Sehubungan dengan itu, hubungan ketenteraan mula diberi perhatian serius dengan Singapura, Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand dan Filipina melalui latihan tentera laut dan juga perjanjian untuk membentuk kerangka kerjasama strategik dengan India. Sejak India diterima sebagai Rakan Dialog penuh penglibatan India dalam ASEAN semakin aktif. Selain terlibat dalam ARF, India juga terlibat dalam Sidang Kemuncak India-Asean (India-ASEAN Summit) yang setara dengan ASEAN+3 dan seterusnya penglibatan dalam Summit Asia Timur yang ditubuhkan pada 2005. Kesungguhan ASEAN memberikan ruang yang besar kepada India turut dilihat sebagai satu pendekatan untuk menyeimbangkan peranan China di Asia Tenggara (Sundaram 2013:181).

Manfaat penglibatan India dengan ASEAN telah meningkatkan interaksi ekonomi, politik dan sekuriti. India telah menandatangani '*Framework Agreement for Comprehensive Economic Cooperation*' bersama negara-negara ASEAN dalam 2nd ASEAN-India

Summit pada 8 Oktober 2003 di Bali, Indonesia. Perjanjian ini adalah untuk menubuhkan '*Indo-ASEAN Regional Trade and Investment Area*' yang mengandungi kawasan perdagangan bebas dalam barang dagangan, perkhidmatan dan pelaburan. Perbincangan awal telah diadakan mengenai pengurangan dan pelepasan cukai barang dagangan dengan negara-negara seperti Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura, dan Thailand. Seterusnya, India akan berbincang dengan Filipina, Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam (Lok Sabha, MEA, 2003). Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN semakin membantu peningkatan ekonomi bilateral antara India dan ASEAN. Pelaburan dan perdagangan meningkat dan menyaksikan peningkatan eksport dari US\$2.9 billion kepada US\$19.1 billion pada tahun 2009, manakala import pula meningkat dari US\$4.1 billion kepada US\$26.2 billion. (Pandya & Malone 2010). Singapura menjadi antara rakan dagangan yang sangat penting kepada India diikuti dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain. Dalam fasa kedua dasar ini, ruang lingkup kawasan diperluaskan merangkumi kawasan Timur Laut Asia dan Asia Pasifik. Maka dengan ini strategi hubungan bilateral dan multilateral mencakupi ekonomi dan juga pertahanan semakin merapatkan hubungan India dengan jiran timurnya.

Kepentingan hubungan India dan ASEAN sering mendapat perhatian dalam perbahasan-perbahasan di Lok Sabha. Persoalan tentang kedudukan, hubungan dan tindakan India dalam ASEAN sering dibangkitkan oleh ahli-ahli Lok Sabha. Sebagai contoh, ahli Lok Sabha telah meminta supaya cadangan "India-ASEAN Motor Car Rally" dibawa ke ASEAN-India Summit Meeting di Bali, Indonesia pada 8 Oktober 2003. Idea ini telah disampaikan oleh Perdana Menteri India pada ketika itu. Tujuan program ini adalah untuk menarik perhatian negara-negara ASEAN terhadap India selain dapat memberi impak positif kepada pembangunan infrastruktur, sektor pelancongan dan juga kerjasama ekonomi dalam jangka panjang sejajar dengan Dasar Pandang ke Timur India. Idea ini turut diterima baik oleh negara-negara ASEAN (Lok Sabha, MEA, 2003). Selain itu, persoalan mengenai isu keganasan juga dibangkitkan dalam Lok Sabha supaya membangunkan program kerjasama termasuk pertukaran informasi dan pengalaman serta latihan dalam pembasmian keganasan antara India dengan negara-negara ASEAN (Lok Sabha, MEA, 2002). Hal ini turut dikaitkan dengan isu keselamatan maritim antara India dengan rantau ASEAN. India telah menawarkan bantuan kepada

negara anggota ASEAN dalam menjaga keselamatan dan sekuriti di lautan yang menghubungkan India dengan Asia Tenggara. India turut menyediakan modul latihan untuk keselamatan maritim dengan memberi tumpuan kepada anti-lanun, pencarian dan penyelamat, keselamatan kota pelabuhan, anti-penyeludupan, operasi kawasan narkotik dan anti-pemburuan haram (Lok Sabha, MEA, 2007). Antara perkara lain yang diberi perhatian juga termasuklah lawatan delegasi negara anggota ASEAN ke India (Lok Sabha, MEA, 2011). Hal ini juga membuktikan bahawa parlimen India amat menitikberatkan hubungan antara India dan negara-negara ASEAN demi kepentingan bersama dalam bidang-bidang yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

DASAR BERTINDAK KE TIMUR INDIA DAN PEMERKASAAN HUBUNGAN DENGAN ASEAN

Impak positif hubungan India dengan ASEAN melalui Dasar Pandang ke Timurnya telah menyebabkan India mahu menjalankan hubungan yang lebih luas dengan ASEAN dan rantau Asia Pasifik. Pada tahun 2014 apabila Narendra Modi menjadi Perdana Menteri India, beliau menghargai inisiatif dan keberhasilan yang telah dicapai melalui Dasar Pandang ke Timur India ini. Pada tahun 2014, Sidang Kemuncak India-ASEAN telah diadakan di Myanmar di mana dalam ucapannya, Modi menyatakan bahawa Dasar Pandang ke Timur akan diperkasakan dan diberikan keutamaan dalam dasar luar India. '*Act East India*' (Dasar Bertindak ke Timur India) akan memberikan momentum yang lebih luas dan ianya bukan semata-mata '*rebranding*' (Rajendram 2014). Dasar Bertindak ke Timur India merupakan isyarat yang diberikan oleh Modi bahawa wilayah timur India ASEAN, Asia Timur, Asia Pasifik akan terus menjadi wilayah keutamaan dalam dasar luar India. Tindakan Modi ini turut didorong oleh tindakan China yang dilihat semakin agresif di Lautan Hindia dan juga di Laut China Selatan. Selain itu, sejak 2011-2014 berlakunya krisis pencerobohan sempadan antara India-China. Hal ini semakin membimbangkan kerana India tidak boleh kehilangan rakan-rakan strategik yang penting demi menyeimbangkan pengaruh China (Rajendran 2014). Melalui Dasar Bertindak ke Timur, India bukan sahaja berusaha untuk mengeratkan hubungan dengan negara anggota ASEAN tetapi juga negara-negara lain dalam rantau Asia-Pasifik dalam bidang

politik, strategi, kebudayaan, dan ekonomi. (Mishra 2018:321).

Terdapat beberapa isu yang perlu diambil perhatian oleh India dalam memastikan Dasar Bertindak ke Timur ini berjaya. Antaranya ialah India perlu bertindak ke atas kawasan utara India kerana negeri-negeri India di bahagian utara masih belum lengkap. Kawasan ini juga sebagai pintu perhubungan dengan Myanmar yang merupakan penghubung India dengan negara-negara Asia Tenggara. Kekurangan sistem perhubungan akan menimbulkan kesukaran untuk berhubung dengan Asia Tenggara. Seterusnya, pembangunan infrastruktur amat penting dalam dasar ini. Projek-projek bersama Asia Tenggara dan ASEAN perlu disegerakan seperti pembinaan lebuh raya yang menghubungkan India, Myanmar dan Thailand. Hal ini dapat memperluaskan jaringan antara India dengan negara tersebut. Pada masa yang sama, perhubungan melalui laluan laut ke Indonesia juga penting untuk berhubung dengan sebuah lagi negara ASEAN. Selain itu, India perlu meningkatkan lagi keupayaan ekonominya di peringkat antarabangsa supaya dapat kekal dalam keanggotaan bersama negara ASEAN.

India menegaskan bahawa India amat memerlukan kerjasama strategik dengan ASEAN. Pada waktu yang sama ASEAN turut bergantung kepada India dalam aspek sekuriti dan pertahanan. Dalam Plan Tindakan (2016-2020), India dan ASEAN telah bersetuju untuk merealisasikan rantau Asia Tenggara sebagai Zon Bebas Senjata Nuklear (SEANFWZ) (Ranjan 2016). Malah, Modi juga semakin memberikan perhatian untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan Australia, Jepun, Korea Selatan serta Kepulauan Pasifik. Ini dapat dilihat melalui lawatan Modi sebagai langkah awal untuk mengukuhkan hubungan India dengan

negara-negara tersebut. Modi telah membuat lawatan ke Jepun pada Mei 2014 dan menyatakan bahawa lawatan ini mencerminkan kepentingan Jepun kepada dasar luar dan perkembangan ekonomi India. Hubungan India-Jepun yang memberangsangkan akan terjalin kerana kedua-dua pemimpin negara tersebut mempunyai cita-cita yang tinggi serta berhasrat untuk membentuk ekonomi dan strategi negara yang lebih hebat. Jepun dan India amat bergantung kepada keselamatan di laut (*sea lanes of communication*) untuk aspek sekuriti dan pembangunan ekonomi. Mereka mempunyai kepentingan bersama dalam memastikan kelancaran transit tenaga dan perdagangan antara Terusan Suez dan Pasifik Barat. Dengan itu, mereka telah meningkatkan keupayaan dalam aspek maritim dengan mengadakan kerjasama dalam mencegah lanun dan keganasan di lautan ini. (Pant 2016:140).

Selain aspek keselamatan, Modi juga tidak mengetepikan kepentingan jaringan ekonomi yang lebih komprehensif melalui perjanjian '*Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement*' bersama ASEAN dan rantau lain (Ranjan 2016). ASEAN merupakan rantau penting dalam jaringan pengeluaran di Asia Timur dan mampu mencapai pertumbuhan yang pesat bagi rakyat dalam negara anggotanya dalam tiga dekad yang lalu. Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke ASEAN telah membantu meningkatkan kekuatan perdagangan di rantau ini, sekali gus memajukan sosio-ekonomi dalam dua dekad terkini. Perkembangan ekonomi telah menurunkan kadar kemiskinan tegar penduduk dalam negara-negara anggota ASEAN. Sehubungan itu, India telah menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara-negara anggota ASEAN serta memperoleh keuntungan yang memberangsangkan dalam dua dekad ini.

JADUAL 1. Perdagangan Komoditi India-ASEAN 2005-2017 (\$ billion)

Negara	Eksport ke Negara ASEAB				Import dari Negara ASEAN			
	2005	2010	2016	2017	2005	2010	2016	2017
Filipina	0.3	0.6	1.5	1.8	0.1	0.4	0.3	0.5
Indonesia	1.1	3.1	2.9	4.0	2.9	9.9	10.1	14.1
Malaysia	1.1	2.5	4.0	6.3	3.9	6.5	7.7	8.0
Singapura	4.1	9.2	5.9	0.7	5.9	13.4	10.0	11.0
Thailand	1.3	2.3	2.6	3.9	1.5	4.4	5.2	6.5
Vietnam	0.0	1.8	2.7	3.9	0.0	1.0	2.7	3.8
Keseluruhan	8.0	19.6	20.8	21.7	15.1	37.1	37.6	45.2
Peratus Perubahan (%)	-	145.0	6.1	4.3	-	145.7	1.3	20.2

Perkembangan perdagangan yang pesat antara ASEAN dan India dalam tempoh ini telah melihatkan ia sebagai titik penting dalam perhubungan India-ASEAN. Jadual 1 menunjukkan bahawa aktiviti perdagangan telah meningkat secara eksponen sejak tahun 2005 dengan adanya pengurangan takrif serta pengenalan perdagangan liberalisasi. Pada era ini juga ‘*ASEAN-India Free Trade Agreement*’ (*AIFTA*) telah ditandatangani. Perjanjian ini turut memberi keyakinan dan inspirasi kepada rakan-rakan dagang antara dua rantau ini untuk mengadakan hubungan ekonomi (Prakash 2019:128). Selain aktiviti perdagangan, pelaburan langsung asing (FDI) di India juga turut menunjukkan peningkatan yang signifikan sejak tahun 2005. Status perdagangan dan pelaburan langsung asing di India telah menyebabkan India menjadikan ASEAN sebagai satu pusat pengeluaran yang sesuai untuk berdagang dan melabur. Perkara ini juga turut membantu dalam pembangunan ekonomi di Asia Tenggara. Dalam dekad ini juga, India telah menjadi antara sepuluh negara teratas yang menjadi sumber pelaburan langsung asing bagi ASEAN.

Hubungan India dan ASEAN bukan sahaja terhad kepada aspek keselamatan dan ekonomi sahaja, malah kerjasama dalam aspek sosial dan kebudayaan juga turut terjalin. Pelbagai projek telah diadakan antara India dan ASEAN dalam aspek ini. Sejak terjalannya hubungan antara India dan ASEAN, kerjasama dalam aspek sosial telah berkembang dan melibatkan pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi, hubungan antara manusia, kesihatan, pengangkutan dan infrastruktur, perusahaan kecil dan sederhana, teknologi maklumat dan komunikasi, pertanian, keselamatan makanan, perubahan iklim, sumber tenaga, serta ‘*Initiative for ASEAN Integration*’ (*IAI*). Bagi mengeratkan hubungan antara manusia atau penduduk bagi dua rantau ini, pelbagai program interaksi telah diadakan bersama ASEAN seperti menjemput pelajar-pelajar dari negara ASEAN untuk melawat ke India melalui program pertukaran pelajar, kursus dan latihan khas untuk diplomat ASEAN dan sebagainya. Mereka juga dijemput dalam program perbincangan seperti ‘*National Children’s Science Congress*, *ASEAN-India Network of Think Tanks*’ dan ‘*ASEAN-India Eminent Persons Lecture Series*’. Bengkel ASEAN-India dalam Ekonomi Biru yang dianjurkan oleh Vietnam juga diadakan di New Delhi, India pada 18 Julai 2018 (Ministry of External Affairs India, 2018).

Aspek perhubungan ASEAN-India juga menjadi keutamaan kepada India dan negara-negara

ASEAN. Pada tahun 2013, India telah menjadi rakan dialog ketiga ASEAN dalam memulakan ‘*ASEAN Connectivity Coordinating Committee-India Meeting*’. Dalam perbincangan tersebut, India telah membuat pertimbangan dalam melaksanakan Lebuhraya Trilateral India-Myanmar-Thailand. Mesyuarat tersebut juga turut membincangkan penambahan sistem perhubungan bagi maritim dan udara antara ASEAN dengan India serta membuat transformasi koridor perhubungan sebagai koridor ekonomi. Terdapat juga idea untuk memperluaskan Lebuhraya Trilateral India-Myanmar-Thailand ke Kemboja, Laos dan Vietnam. Mesyuarat ini juga turut mencapai kata sepakat bagi ‘*India-Myanmar-Thailand Motor Vehicle Agreement*’ (*IMT MVA*) yang melibatkan pergerakan penumpang, perjalanan peribadi, dan pengangkutan kargo sepanjang jalan yang menghubungkan India, Myanmar dan Thailand.

Pelbagai jenis dana dan peruntukan telah disalurkan bagi membiayai projek-projek kerjasama ini. Dalam ASEAN-India Summit ke-6 yang diadakan pada 21 November 2007 di Singapura, India telah mengumumkan penubuhan ‘*ASEAN-India Green Fund*’ dengan sumbangan permulaan sebanyak US\$ 5 juta dari India bagi menyokong aktiviti kolaborasi berkaitan dengan alam sekitar dan perubahan iklim. Bidang-bidang yang ditekankan dalam kolaborasi yang menggunakan dana ini adalah seperti penggunaan tenaga, teknologi bersih, tenaga yang boleh diperbaharui, konservasi biodiversiti dan pendidikan alam sekitar. Selain teknologi hijau, India melalui ‘*ASEAN-India Project*’ telah memperuntukkan dana untuk kerjasama dengan ASEAN dalam bidang pertanian, angkasa lepas, pembangunan sumber manusia, bangunan, pelancongan dan sebagainya. Antara projek angkasa lepas adalah seperti pembinaan Stesen Penjejak dan Pemprosesan Data di Ho Chi Minh City, Vietnam dan menaik taraf Stesen Pengesanan dan Perintah Telemetri di Biak, Indonesia. India juga menyokong ASEAN terutamanya Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam dalam latihan bahasa Inggeris bagi pegawai penguat kuasa undang-undang di negara-negara tersebut. Biasiswa turut disediakan untuk pelajar ASEAN yang melanjutkan pengajian di Nalanda University. Latihan bagi penjawat awam turut disediakan dalam aspek pengurusan kemarau, pengurusan risiko bencana, pengurusan lestari dan sebagainya (Ministry of External Affairs India, 2020).

Dari segi bidang pertanian pula, India telah bekerjasama dengan ASEAN dalam projek

pertukaran petani, ‘ASEAN-India Fellowship’ bagi pengajian tinggi dalam bidang pertanian di India dan ASEAN, pertukaran kepakaran saintis pertanian, pemerkasaan wanita melalui koperasi, kursus-kursus mengenai pensijilan organik bagi buah-buahan dan sayur-sayuran. Kesemua projek ini telah ditekankan dalam ‘*4th ASEAN-India Ministerial Meeting on Agriculture*’ yang diadakan pada Januari 2018 di New Delhi dengan sokongan dan pengesahan ‘*Medium Term Plan of Action for ASEAN-India Cooperation in Agriculture and Forestry for 2016-2020*’. Perdana Menteri India telah mengumumkan peruntukan 1000 tempat Fellowship PhD bagi pelajar dan penyelidik dari 10 buah negara ASEAN di Indian Institutes of Technology. Pada 16 September 2019, Menteri Luar, Dr. S. Jaishankar dan Menteri Pembangunan Sumber Manusia, Dr. Ramesh Pokhriyal Nishank telah merasmikan program ini. Indian Institutes of Technology (IIT), Delhi telah dilantik sebagai Penyelaras Kebangsaan bagi program Fellowship tersebut. Menteri Pembangunan Sumber Manusia India juga meluluskan peruntukan berjumlah Rs. 300 crore bagi program ini untuk 7 tahun. Program Fellowship akan diadakan dalam tiga kumpulan. Pada tahun pertama, seramai 250 Fellowship akan diterima dalam program ini diikuti 300 dan 450 Fellowship pada tahun kedua serta tahun ketiga. Pelajar ASEAN yang ditawarkan Fellowship akan menerima kadar bayaran yang sama seperti pelajar di India bergantung kepada geran penyelidikan yang digunakan. IIT juga akan menyediakan peruntukan bagi menampung perbelanjaan hidup kepada pelajar-pelajar tersebut. Program Fellowship ini dipercayai dapat mengukuhkan lagi hubungan ASEAN-India dengan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia di negara-negara ASEAN. Program ini turut mengukuhkan ekosistem penyelidikan sementara meningkatkan kepelbagaiannya pelajar antarabangsa di IIT dan menyumbang kepada pengiktirafan IIT di mata dunia (Lok Sabha MEA, 2019). Program ini dilihat dapat memberi manfaat kepada India dan juga negara anggota ASEAN. Pendedahan pengajian di luar negara ini dapat mengantarabangsaan pelajar dan menjadikan mereka mendapat pendedahan di luar negara yang tidak dapat dirasai pelajar yang tidak dapat ke luar negara (Yazrina et.al. 2020: 93).

Dalam bidang sains dan teknologi juga terdapat pelbagai projek yang melibatkan perpustakaan digital, harta intelek, perubatan, marirkultur, teknologi bioremediasi dan sebagainya. Semasa ‘*Commemorative Summit*’ yang diadakan pada tahun 2012, pemimpin-pemimpin kerajaan telah mencadangkan penubuhan ‘*ASEAN-India Centre*’

(AIC) untuk menguruskan dasar penyelidikan, aktiviti sokongan serta jaringan bersama organisasi di India dan ASEAN. Penubuhan AIC adalah untuk mempromosikan Kerjasama Strategik ASEAN-India. AIC telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2013 dan berfungsi sebagai pusat sumber kepada negara anggota ASEAN dan India dalam mengukuhkan kerjasama strategik antara dua rantau ini serta mempromosikan dialog dan kolaborasi dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama. AIC turut menyediakan input kepada pembuat dasar di India dan ASEAN dalam pelaksanaan perhubungan ASEAN-India dengan menganjurkan seminar, meja bulat dan sebagainya. AIC juga mengadakan bengkel dan persidangan terhadap pelbagai isu yang berkaitan dengan kerjasama ASEAN dan India. Pada masa yang sama, AIC juga memainkan peranan dalam menjalin hubungan dengan agensi dan organisasi kerajaan dan swasta di dia rantau ini bagi memastikan segala informasi sentiasa dikemas kini, sumber maklumat sentiasa mencukupi, serta mengeratkan hubungan strategik antara India dan ASEAN (Ministry of External Affairs India, 2018).

KESIMPULAN

India dari awal telah berusaha menempatkan dirinya dalam rantau Asia Tenggara sejak penghujung tahun 1940-an. Apabila negara-negara Asia Tenggara merdeka maka India semakin ghairah menonjolkan peranannya sebagai ‘*role player*’ kepada negara-negara tersebut. Konsep ‘*Asian Federation*’ mula diusulkan supaya negara-negara ini bersatu atas semangat kebersamaan dan berpegang kepada dasar berkecuali seperti yang diamalkan oleh India. Namun, apabila ASEAN ditubuhkan pada tahun 1967 tanpa menjadikan India sebagai ahlinya, India mula merasakan seperti dipinggirkan. Hubungan India-ASEAN menjadi semakin renggang apabila India dilihat melaksanakan tindakan-tindakan yang dianggap bertentangan dengan prinsip ASEAN. Hubungan yang suram ini berlanjutan sehingga tamatnya Perang Dingin. Pada tahun 1991 India menyedari pemencilan India dari rantau ASEAN ini hanya akan merugikan India maka Dasar Pandang ke Timur India mula dilaksanakan dengan menjadikan ASEAN sebagai matlamat utama dalam hala tuju dasar tersebut. Dasar ini ternyata berjaya mengukuhkan hubungan India dengan ASEAN dan juga mengukuhkan hubungan bilateral India dengan negara-negara ASEAN. Seterusnya, pada tahun 2014

untuk mengoptimalkan hubungan dengan ASEAN dan Timur Asia maka hubungan ini ditingkatkan dan diperluaskan kepada Dasar Bertindak ke Timur (*Act East Policy*). Dalam Dasar Bertindak ke Timur India telah meluaskan hubungannya dengan negara-negara yang lain seperti Jepun dalam mengukuhkan kekuatan ekonomi dan pertahanan. Selain itu, hubungan dengan ASEAN semakin mengukuh melalui pelaksanaan pelbagai projek yang bermanfaat kepada kedua-dua rantau. Kerjasama ASEAN-India bukan sahaja terhad kepada elemen politik dan sekuriti tetapi turut melibatkan sektor ekonomi iaitu perdagangan dan pelaburan. Hasil kerjasama ini telah memberi keuntungan dan meningkatkan pendapatan negara-negara yang terlibat. Pada masa yang sama, hubungan turut terjalin melalui projek sosio-budaya. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dilaksanakan untuk pembangunan bidang sains dan teknologi. Pelbagai latihan, seminar dan persidangan diadakan untuk pembangunan sumber manusia dan pertukaran kepakaran antara India dan ASEAN. Tindakan ini telah memberi kesan dan impak positif kepada kedua-dua rantau ini dalam pembangunan negara.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini adalah dibiayai oleh dana penyelidikan GGP-2014-014 Malaysia Dalam Dasar Pandang ke Timur India / *India's Look East Policy*.

RUJUKAN

- Acharya, A. 2012. *The Making of Southeast Asia: International Relations of A Region*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Ayoob, M. 1990. *India and Southeast Asia: Indian Perception and Policies*. London: Routledge.
- Azrul Azlan Abdul Rahman. 2018. Hubungan Asean-Sino: Antara Order Asia Atau Dilema “China’s Rise”. *Akademika* 88(3): 5-18.
- Brecher, M. 1959 *Nehru: A Political Biography*. London: Oxford university Press.
- Catharin, D. & David, S. 2003. *Georgetown Southeast Asia Survey, 2003-2004*. Washington: Georgetown University.
- Coedes, G. 1971. *The Indianized States of Southeast Asia*. Hawaii: The University Press of Hawaii.
- Devare, S. 2006. *India and Southeast Asia: Towards Security Convergence*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Hoakip, T. 2015, *India's Look East Policy and The Northeast*. New Delhi: Sage Publications.
- Jyoti. 2013. India’s Look East Policy: In its Second Phase. *Global Journal of Pharmaceutical Sciences and Education*. 2(1): 1-14
- Malone, D.M., Mohan, C.R. & Raghavan, S. (eds.). 2015. *The Oxford Handbook of Indian Foreign Policy*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Manjeet, S.P. 2010. Southeast Asia In Indian Foreign Policy: Positioning India as A Major Power in Asia. In *India's Foreign Policy: Retrospect and Prospect*, edited by Ganguly,S., 106-113. New Delhi: Oxford University Press.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 1971. Treaty of Peace, Friendship and Cooperation. <http://mea.gov.in/bilateral-documents.thm?dtl/5139/treaty+of>. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2002. Lok Sabha Q.313 – Indo-ASEAN Cooperation to Fight Terrorism, 11 December. https://www.meaindianforeignpolicy.com/lok-sabha.htm?61/Lok_Sabha. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2003. Lok Sabha Q.154 – Agreement for Free Trade with ASEAN Countries, 3 December. https://www.meaindianforeignpolicy.com/lok-sabha.htm?61/Lok_Sabha. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2003. Lok Sabha Q.1249 – Strengthening of Ties with ASEAN Countries, 10 December. https://www.meaindianforeignpolicy.com/lok-sabha.htm?61/Lok_Sabha. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2007. Lok Sabha Q.3119 – ASEAN Regional Forum, 5 September. https://www.meaindianforeignpolicy.com/lok-sabha.htm?61/Lok_Sabha. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2011. Lok Sabha Q.3228 – Visit of Delegates from ASEAN Countries, 14 Disember. https://www.meaindianforeignpolicy.com/lok-sabha.htm?61/Lok_Sabha. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2016. Asean; the Pivot of India’s Act east Policy. <http://www.meaindianforeignpolicy.com/speeches-statements.htm?26341/Asean+The+pivot+of+Indias+Act+East+policy>. Accessed on: 7 April 2021
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2018. India-ASEAN Relations. <https://www.meaindianforeignpolicy.com/>. Accessed on: 7 April 2021.
- Ministry of External Affairs, Government of India. 2019. Lok Sabha Question No. 3846 Ph.D Fellowship to ASEAN Students, 11 December. https://www.meaindianforeignpolicy.com/lok-sabha.htm?61/Lok_Sabha. Accessed on: 7 April 2021.
- Mishra, R. 2018. From Look East to Act East: Transitions in India’s Eastward Engagement. In *International Relations and Asia’s Southern Tier*, edited by Rozman, G. & Liow, J.C., 321-342. Singapura: Asian-Palgrave Macmillan Series.

- Morarji, B & Sharma, V. 2015. Shifting Trends in India and Southeast Asia Relations. *International Journal of Advanced Research in Management and Social Sciences* 4(2): 97-111.
- Nanda, P. 2003. *Rediscovering Asia: Evolution of India's Look east Policy*. New Delhi: Lancer Publisher.
- Pandya, A & Malone, D.M. 2010. India's Asia Policy: A Late Look East. ISAS Special Report No 2-25 August 2010. https://www.files.ethz.ch/isn/120549/ISAS_Special_Report_02_-_Email_-_India%27s_asia_policy_-_a_late_look_east_26082010093309.pdf. Accessed on: 7 April 2021.
- Pant, H. V. 2013. China Rises, India Ponders: India's Look east Policy Gathers Momentum. https://www.aii.unimelb.edu.au/wp-content/uploads/2019/01/2013-Sp-V1-China_Rises_India_Ponders.pdf. Accessed on: 7 April 2021.
- Pant, H.V. 2016. *Indian Foreign Policy: An Overview*. Manchester: Manchester University Press.
- Prakash, A. 2019. ASEAN-India Relations: Foundation for the Future Architecture of Asia. In *Collective Leadership ASEAN Centrality, and Strengthening the ASEAN Institutional Ecosystem*, edited by Tay, S., S. Armstrong, P. Drysdale & P. Intal, 126-136. Jakarta: ERIA.
- Prasad, M. 2006. Political and Security Cooperation between India and ASEAN. In *India-ASEAN Economic Relations: Meeting The Challenges of Globalization*, edited by Kumar, Sen dan Mukul Asher. Singapore: Institute of Southeast Asian Countries.
- Rajendram, D. 2014. India's New Asia-Pacific Strategy: Modi Acts East. *Executive Summary. Lowly Institute for International policy*. 1-20
- Ranjan, R. 2016. PM Modi's Sojourn to South East Asia: Reinvigorating the Partnership in the New Millennium. https://www.icwa.in/show_content.php?lang=1&level=3&ls_id=5076&lid=810. Accessed on: 7 April 2021.
- Shimada, K. 2010. Working Together for Peace and Prosperity of Southeast Asia, 1945-1968: The Birth of The Asean Way. Phd Thesis. University of Adelaide. <https://digital.library.adelaide.edu.au/dspace/handle/2440/63422>. Accessed on: 7 April 2021.
- Sridharan, K. 1995. India-Asean Relations: Evolution, Growth, Prospects. In *Japan and the Security of Southeast Asia, China, India*, edited by Jebsrun, C., 117-143. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Sridharan, K. 1996. *The Asean Region in India's Foreign Policy*. England: Dartsmouth Publishing Company.
- Strachan, A.L. 2009. India's Look East Policy: A Critical Assessment. *IPCS Report. October 2009*.
- Sundaram, A. 2013. Look East Policy. *International Journal of Advancement in research & Technology* 2(May): 169-185.
- The ASEAN Secretariat. 2015. Overview: ASEAN-India Relations. <https://asean.org/wp-content/uploads/images/2015/November/asean-india/Overview%20ASEAN-India%20Dialogue%20Relations%20-%20November%202015.pdf>. Accessed on: 7 April 2021.
- The ASEAN Secretariat. 2020. *ASEAN Statistical Yearbook 2020*. Jakarta: ASEAN Secretariat.
- The Hindu*. 2002. ASEAN. 2021. ASEAN-India: On the Threshold of a New Era in Partnership. 12 November.
- Weatherbee, Donald E. 2010. *International Relations in Southeast Asia: The Struggle for Autonomy*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Yazrina Yahya & Doria Abdullah. 2020. The AIMS Impact, 10 Years On: Internationalisation at Home of ASEAN Higher Education Institutions. *Akademika* 90(Isu Khas 2): 151-162.
- Yazrina Yahya, Nordiana Mohd Nordin, Abdul Latiff Ahmad, Rosnani Boyak, Harfiz Rasul, Nur Haqiqal Rawlins & Ong Chang Ee. 2020. Global Mobility in ASEAN: Promoting Multi Cultural Diversity and Inclusivity Through AIMS. *Akademika* 90(Isu Khas 2): 93-104.
- Zubaiddah V.P. Hamzah (corresponding author)
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
Email: zvph@ukm.edu.my
- Koh Kuan Wei
Xiamen University Malaysia
Jalan Sunsuria, Bandar Sunsuria,
43900 Sepang
Selangor
Malaysia
Email: kuanwei.koh@xmu.edu.my